

**Najib Bertemu Pengerusi Facebook Mark Zuckerberg**  
**Bernama**  
**25 Sept, 2013**  
**Oleh Khairdzir Md Yunus**

SAN FRANCISCO, 25 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengadakan pertemuan peribadi dengan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Facebook Mark Zuckerberg di ibu pejabat media sosial gergasi itu di Menlo Park pada Selasa.

Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) dalam kenyataan di sini berkata Najib dan Zuckerberg membincangkan mengenai usaha kerjasama yang kemungkinan boleh dilakukan antara Facebook dan Malaysia.

Perbincangan berkisar terhadap usaha untuk merapatkan jurang digital dan mendekatkan kemudahan Internet serta peluang-peluang digital lain kepada mereka yang tidak berhubung setakat ini.

Pertemuan itu sebahagian daripada siri perbincangan peringkat tinggi, demonstrasi dan pengumuman yang membentuk lawatan perdana menteri ke Silicon Valley anjuran MDeC. Perbadanan itu merupakan pemacu Inisiatif Ekonomi Digital Malaysia, Digital Malaysia dan inisiatif ICT negara, MSC Malaysia.

Facebook merupakan laman yang paling banyak dikunjungi di Malaysia dan mempunyai pengguna sebanyak 12,747,100 setakat ini, meletakkan negara di tempat ke-18 dalam kedudukan statistik Facebook mengikut negara.

Perkhidmatan jaringan sosial dalam talian, Facebook, diasaskan pada Februari 2004 oleh Zuckerberg dengan rakan-rakan sebilikinya di kolej dan penuntut Harvard University, Eduardo Saverin, Andrew McCollum, Dustin Morkovitz dan Chris Hughes.

Najib kemudian melawat satu lagi ibu pejabat media sosial gergasi, Google, di Mountain View, tidak jauh dari bandar raya San Francisco.

Perdana menteri dibawa meninjau kawasan kompleks dan mengadakan pertemuan dengan para pegawai kanan Google. Difahamkan perbincangan berjalan dengan baik mengenai kerjasama kedua-dua pihak.

Beliau juga mengambil peluang untuk bertemu dan berbual dengan sembilan warga Malaysia yang bekerja di pejabat Google.

Menurut mereka, terdapat lebih daripada 20 rakyat Malaysia bekerja dengan Google dalam bidang-bidang berkaitan IT.

Quddus Chong, pengatur cara komputer dari Sarawak, berkata beliau menyertai Google 18 bulan lepas setelah bekerja sekian lama di Amerika. Beliau mengikuti program ijazah dan lepasan ijazah di negara ini.

Norzaini Suhaimi dari Kota Bharu Kelantan telah bekerja di Google untuk beberapa tahun.

Katanya beliau suka bekerja di Google kerana majikannya sentiasa memberikan sokongan

baginya untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kerjaya.

Dr Tejinder Kaur Judge dari Kuala Lumpur yang menyertai Google selepas menghabiskan penyelidikan PhDnya di tempat itu, berkata beliau seronok bekerja di situ dan tidak mempunyai masalah untuk menyesuaikan dengan kehidupan di situ.

Sementara itu Andi Jusniar, rakyat Indonesia yang suaminya warga Malaysia dan berkeja di sebuah syarikat lain berkata beliau mahu bekerja di Google selama mana yang beliau mampu.

Yok Lian Lee dan Cythia Lim berkata mereka tidak terlalu rindukan makanan di Malaysia kerana "ada restoran daun pisang terletak berhampiran dan ia juga menjual roti canai beku."

Mereka berkata mencari tempat tinggal dan rumah untuk disewa juga tiada masalah walaupun kos kehidupan agak tinggi.

Najib yang kelihatan gembira berjumpa dengan rakyat Malaysia itu, meluangkan masa seketika untuk berbual-bual dengan mereka.

Perdana menteri kemudian diberi peluang menaiki kereta Google, sebuah kereta hibrid dipandu sendiri selama kira-kira 20 minit dengan ditemani seorang pegawai eksekutif Google sekeliling kawasan itu.

Semalam Najib melawat pejabat dan ibu pejabat korporat Twitter di Market Street, di sini dan di situ beliau menghantar dua tweet kepada 1.7 juta pengikutnya di Malaysia dan di seluruh dunia.

Najib yang dalam rangka lawatan ke San Francisco dan New York dari Sept 22 hingga 29 Sept juga telah merasmikan Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa (BIO-IAP) 2013, di sini pada Selasa.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=980386>